

# Bantu majukan Melayu: Sultan Johor

*IPT perlu tingkat usaha dalam pendidikan, ekonomi*

**KAMARUL HALIM M KAMAL**

**BATU PAHAT** - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bertitah agar pihak institut pengajian tinggi (IPT) meningkatkan usaha bagi membantu memajukan Melayu dalam pendidikan dan ekonomi sehingga ke peringkat antarabangsa.

Titah baginda, meskipun keutamaan diberikan kepada Melayu, ia tidak bermakna kepentingan bagi bangsa lain diabaikan.

Baginda menyeru, pengurusan IPT mempertingkatkan usaha melalui penyelidikan, perundingan dan khidmat kemasyarakatan bagi menyokong usaha kerajaan negeri untuk pemuliharaan alam semulajadi.

Baginda yakin pihak pengurusan IPT sentiasa bersedia dan mampu berperan-

an untuk meningkatkan kemakmuran serta kesejahteraan rakyat di negeri ini.

"Jabatan kerajaan negeri yang terlibat dalam pembangunan pendidikan dan ekonomi serta penjagaan alam semulajadi perlulah bekerjasama erat dengan pihak universiti untuk menjayakan usaha bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat negeri ini

"Begitu juga dengan usaha untuk meningkatkan kepesatan pembangunan ekonomi Johor dan memperkukuhkan keharmonian serta perpaduan sedia ada," titah baginda yang juga Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada Majlis Konvokesyen UTHM ke-13, di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM, semalam.

Pada majlis konvokesyen berkenaan, seramai 3,520 siswazah menerima ijazah dan diploma masing-masing me-

rangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu ijazah doktor falsafah (PhD), sarjana dan sarjana muda yang berlangsung selama tiga hari.

Konvokesyen kali ini menyaksikan Sultan Ibrahim berkenaan menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Gabenor Daerah Istimewa Jogjakarta, Sri Sultan Hamengku Buwono X.

Ia bagi menghargai jasa tokoh negarawan Indonesia itu yang telah banyak menyumbang dalam pembangunan semula Wilayah Jogjakarta setelah bencana Merapi, dan Ijazah Profesor Emeritus kepada Profesor Datuk Dr Ismail Bakar yang juga bekas Naib Canselor UTHM.

Sultan Ibrahim dalam ucapannya turut menasihatkan mahasiswa menjauhi anasir yang boleh merosakkan hidup dengan berpegang teguh ajaran agama.



Sultan Ibrahim menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Sri Sultan Hamengku Buwono X, semalam.